

<b>Publication</b>	<b>Sinar Harian</b>	<b>Section /Page No.</b>	<b>Nasional / Pg. 11</b>
<b>Date</b>	<b>Wed, 19<sup>th</sup> Oct 2016</b>	<b>Lead Article</b>	<b>Yes</b>
<b>Headline</b>	<b>CIDB Perkenal Program Perantisan</b>		

# CIDB perkenal program perantisan

■ SITI AZELAN WAH

**KUALA LUMPUR** - Program perantisan yang dipendekkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) iaitu MRT Young Entrepreneurs Programme II (MYEPII) dan Safety Supervisor Apprenticeship Programme (SSAP), dan Perantisan Kemahiran CIDB 2016, merupakan usaha membangun modal insan industri pembinaan.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, ia diwujudkan bagi pekerja bidang pembinaan mencapai tahap produktiviti yang tinggi, selaras dengan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) melalui Teras Strategik 3 iaitu Meningkatkan Pembangunan Modal Insan untuk negara maju.

Ketika berucap pada majlis pelancaran program itu di sini, semalam, Fadillah berkata, CITP menyasarkan penghasilan 5000 perantis kompeten dalam tempoh lima tahun bermula 2016 hingga 2020.

"Selaras sasaran tersebut, CIDB mengenal pasti kategori bidang kerjaya yang amat diperlukan oleh industri pembinaan iaitu bidang penyeliaan dan pengurusan, kemahiran, serta bidang usahawan pembinaan," katanya.

Sementara itu katanya, program MYEPII bermatlamat melahirkan Bumiputera muda, khususnya golongan siswazah muda yang akan membantu menyokong pembinaan lautan-lautan Mias Rapid Transit (MRT) sebagai kesinambungan program MYEP pada 2013.

Melalui program MYEPII iaitu Program Khas Keusahawanan, hasil kerjasama antara CIDB, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan MRT Corporation Sdn Bhd

(MRT Corp), seramai 54 perantis berpeluang menjalani latihan teori serta praktikal, di samping latihan dalam kerjaya (on-job attachment) di bawah syarikat MMC-Gamuda.

Menerusi program tersebut, latihan akan dijalankan bersama MRT Corp, PUNB dan CIDB, manakala pembiayaan diberi kepada perantis yang dinilai layak oleh MRT Corp untuk melaksanakan sub-pakej kontrak kerja pembinaan untuk laluan MRT2 melibatkan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya selepas menjalani latihan secukupnya.

Sementara itu, Pengerusi CIDB Malaysia, Tan Sri Ahmad Tajiddin Ali berkata, selain MRT Corporation dan PUNB, CIDB Malaysia juga bekerjasama dengan Petronas Chemicals Groups untuk melaksanakan program perantisan dalam sektor minyak dan gas.

Menurutnya, program itu membuka peluang latihan bersama kontraktor di bawah syarikat Petronas dalam bidang penyelenggaraan infrastruktur mekanikal terutama untuk graduan jurusan Mechanical Fitter dari Akademi Binaan Malaysia.

"Kita mengharapkan dengan pengalaman diberikan perantis, dapat menerap sikap mementingkan kualiti keselamatan dan keamanan alam sekitar dalam pelaksanaan projek masing-masing," katanya.

Selain itu, CIDB juga bekerjasama dengan syarikat bertaraf antarabangsa iaitu Lendlease Projects (M) Sdn Bhd untuk melatih 150 perantis melalui program

Safety Supervisor Apprenticeship Programme (SSAP) di tapak projek TRX, Kuala Lumpur.

Setelah tamat latihan, perantis daripada program tersebut akan ditauliahkan sebagai Site Safety Supervisor oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), dan mendapat buku kuning *Yellow Book*

*Book*

Pentaullahan *Yellow Book* akan memastikan kebolehpasaran perantis iaitu sebagai satu penanda mereka mahir dalam bidang penyeliaan terutama dalam aspek pengurusan keselamatan tapak pembinaan.

Sebelum ini, CIDB telah bekerjasama dalam program perantisan

bersama Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) di bawah Program Felo Pembinaan Malaysia.

Pada program itu, 147 perantis telah diletakkan di bawah 13 syarikat ternama industri pembinaan untuk mendapat pengalaman bekerja, seterusnya diserap dalam bidang sesuai kemahiran mereka.



Fadhillah beramah mesra bersama perantis yang terlibat selepas pelancaran program.